

LATIHAN KENDIRI PEMAIN BOLA KERANJANG BAWAH 18 TAHUN SECARA ATAS TALIAN DALAM ERA NORMA BAHARU DI DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

SELF-TRAINING SKILLS OF UNDER-18 (U18) BASKETBALL PLAYERS ON ONLINE IN THE NEW NORM ERA IN THE DISTRICT OF KOTA KINABALU, SABAH

Yaw Teck Hing¹
Pathmanathan A/L Suppiah²
Hasnol Noordin³

¹Faculty Psychology & Education, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: dp1811030t@student.ums.edu.my)

²Faculty Psychology & Education, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: pathmaha@ums.edu.my)

³Faculty Psychology & Education, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: ndhasnol@ums.edu.my)

Article history

Received date : 29-8-2021

Revised date : 30-8-2021

Accepted date : 26-9-2021

Published date : 6-10-2021

To cite this document:

Hing, Y. T., Suppiah, P., & Noordin, H. (2021).
Latihan Kendiri Pemain Bola Keranjang Bawah 18
Tahun Secara Atas Talian dalam Era Norma Baharu di
Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Penyelidikan
Sains Sosial (JOSSR)*, 4(12), 42 - 49.

Abstrak: Sistem pengajaran dan pembelajaran atas talian dalam permainan sukan bola keranjang semasa era pandemik merupakan suatu perkara yang memberikan tekanan dan memerlukan para pemain menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran baharu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meneroka ilmu pengetahuan dan pengalaman pemain bola keranjang dalam membentuk disiplin belajar dan perkembangan kecergasan fizikal permainan mereka dari segi kemahiran taktikal dan praktikal. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan memilih 10 orang informan kajian yang memiliki kemahiran latihan sendiri yang diperolehi menerusi rakaman video latihan yang diberikan oleh pemain bola keranjang. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan platform google meet. Hasil dapatan telah menemukan pelbagai kaedah dan pendekatan sendiri yang telah digunakan oleh para pemain untuk meningkatkan tahap kecekapan, ketangkasan mereka semasa dalam permainan bola keranjang. Implikasi kajian ini akan menjadi contoh kepada bidang pendidikan sukan lainnya, agar terus berusaha mempertingkatkan kecergasan, kemahiran dan pencapaian mereka dalam sukan.

Kata Kunci: Latihan, Kendiri, Kecergasan, Bola Keranjang, Atas Talian.

Abstract: The online teaching and learning system for basketball sports during this ongoing pandemic is stressful and requires the players to adapt themselves to the new learning environment. In favour of that, this research aims to explore the knowledge and experience of the basketball players in shaping their training discipline and improving their physical fitness in terms of tactical and practical skills of the sports. A qualitative method was adopted to conduct this research, in which five informants were interviewed on Google Meet. These were

the Under-18 (U18) players who were observed to have self-training skills obtained based on the training videos shared by other basketball players in preparation for the Virtual Basketball Skills Tournament 2021 organised by the District Sports Council of Kota Kinabalu, Sabah. The findings showed that the players used various self-training methods to improve their competency and fitness in basketball sports. This study could be a reference to the field of sports education in further improving their players' fitness, skills and achievements.

Keywords: *Self-training, fitness, basketball, online learning.*

Pengenalan

Pembelajaran Secara Atas Talian

Dalam perkembangan pendidikan semasa era pandemik pada masa kini, mengalami perubahan drastik daripada semua sektor dan ini tidak terkecuali dalam bidang pendidikan. Senario kehidupan di zaman pandemik ini telah mengubah senario kehidupan yang berlaku pada masa kini yang mana ketergantungan sistem pekerjaan dan pembelajaran harus dilakukan menerusi secara atas talian. Ini memerlukan tahap kesediaan yang tinggi dalam kalangan semua sektor untuk mendepani cabaran ini.

Dalam konteks kajian ini, mengkaji tentang pelaksanaan PDPR (pengajaran dan pembelajaran dari rumah) dalam pengajaran sukan bola keranjang bawah 18 tahun. Dahulunya, sistem pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan secara fizikal. Namun demikian, ia perlu dijalankan secara atas talian. Pertandingan kemahiran bola keranjang atas talian peringkat daerah pada penghujung bulan Ogos 2021 telah memberikan peluang kepada pelajar untuk menyertai aktiviti sukan semenjak pandemik melanda di negara ini. Namun demikian, keadaan ini memberikan sedikit sebanyak tekanan bukan sahaja kepada guru tetapi juga kepada para pelajar. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang bersifat fizikal ini bukanlah suatu perkara yang mudah jika ia diajar secara atas talian. Ia memerlukan strategi dan pendekatan yang tertentu bagi memastikan segala matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pengajaran fizikal permainan bola keranjang secara atas talian.

Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Sukan

Sehubungan dengan itu, dalam konteks keadaan pada masa kini, dapat dilihat pelaksanaan PDPR kurang berkesan, telah menjadi persoalan yang berlaku dalam era pandemik pada masa kini. Isu ini berlaku dalam sistem pengajaran bagi mata pelajaran dan kemahiran yang secara teoritikal. Ini secara langsung dan tidak langsung akan memberikan kesan terhadap sistem pembelajaran yang menggunakan sistem pengajaran secara praktikal dan fizikal (Mogaji & Jain, 2020). Jika masalah ini tidak ada solusi dan penyelesaian yang profesional, ia akan memberikan suatu permasalahan dalam sistem pendidikan yang berlaku di Malaysia.

Tahap penyesuaian rendah dalam kalangan guru disebabkan oleh proses pembelajaran secara atas talian ini (Onyema et al., 2020). Sememangnya menyukarkan untuk proses pengajaran secara praktikal. Hanya proses pembelajaran secara teoritikal sahaja. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bola keranjang ia memerlukan pengajaran dan pembelajaran secara praktikal iaitu latihan secara fizikal di gelanggang (Sekulic et al., 2017). Namun, hanya pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sahaja yang menjadi pilihan untuk meneruskan kelangsungan sistem latihan dan bimbingan dalam permainan bola keranjang (Ricart Luna et al., 2020).

Batasan dan limitasi latihan disebabkan pandemik, kesan berlakunya pandemik menyebabkan sistem latihan tidak dapat dijalankan secara fizikal. Keadaan tersebut memberikan suatu permasalahan kepada jurulatih dan para pemain untuk meneruskan sistem latihan (Wong et al., 2020).

Objektif

Sebagai langkah untuk menjawab kesemua isu dan permasalahan kajian yang telah dibicangkan penyelidik telah menetapkan beberapa objektif kajian.

- i) Mengkaji konsep latihan sendiri dalam latihan permainan sukan bola keranjang secara atas talian.
- ii) Menganalisis halangan dan cabaran latihan sendiri
- iii) Meneroka latihan sendiri secara intrinsik dan ekstrinsik dalam permainan bola keranjang bagi kategori bawah umur 18 tahun di rumah.

Soalan kajian

- i) Bagaimanakah konsep latihan sendiri dalam latihan permainan sukan bola keranjang secara atas talian?
- ii) Apakah halangan dan cabaran latihan sendiri?
- iii) Bagaimanakah latihan sendiri secara intrinsik dan ekstrinsik dilakukan dalam permainan bola keranjang bagi pemain bawah umur 18 tahun di rumah?

Skop kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan skop kajian, yang bertujuan untuk memperdalamkan hasil kajian secara lebih sistematik dan berkesan serta ia sebagai langkah untuk menghasilkan sebuah kajian yang bermutu dan bernilai tinggi. Penetapan skop kajian ini dilakukan bagi membantu penyelidik untuk menggali maklumat secara lebih mendalam dalam satu topik perbincangan kajian,

Perlaksanaan kajian ini, dilakukan untuk meneroka fenomena berkenaan proses latihan sendiri dalam kalangan pemain bawah umur 18 tahun, Maka dengan itu, fokus kajian ini hanya dilakukan untuk mengenal pasti apakah konsep latihan sendiri yang mereka lakukan, apakah halangan dan cabaran serta bagaimana mereka melakukan latihan sendiri dalam permainan bola keranjang secara baik dan cemerlang seperti mereka berada dalam gelanggang.

Batasan kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif maka ia tidak memerlukan banyak lokasi kajian, kajian ini hanya dilakukan di satu lokasi sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu sahaja. Ia hanya dilakukan sebagai untuk mengetahui dan mengungkapkan proses latihan sendiri yang berlangsung dalam kalangan pemain bola keranjang bawah umur 18 tahun.

Kajian-kajian lepas

Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Sukan Bola Keranjang

Sememangnya, tidak dinafikan bahawa terdapat banyak kajian –kajian lepas yang mengkaji berkenaan dengan permainan bola keranjang. Namun demikian, dapat diakui bidang kajian berkenaan permainan bola keranjang ini merupakan bidang kajian yang masih lagi banyak kelompangan kajian yang perlu dibangunkan sama ada untuk tujuan memperkayakan hasil tulisan akademik dan menyelesaikan masalah praktikal dalam permainan sukan dan permainan pada masa kini.

Kajian-kajian terdahulu hanya memfokuskan sistem latihan dan bimbingan permainan bola keranjang secara teoritikal sahaja, ini kerana pelaksanaan latihan dilakukan dalam gelanggang sebenar. Maka dengan itu, para pelajar iaitu pemain bola keranjang hanya akan belajar secara teori di dalam kelas dan beraksi di gelanggang seperti yang terdapat dalam kajian Abdelkrim et al. (2010), Alogaili et al.(2018) Robazza et al.(2012) dan Roman et al. (2009) yang memfokuskan kepada sistem pengajaran dan pembelajaran permainan bola keranjang menggunakan latihan secara teoritikal dan praktikal yang mana para pelajar berpeluang untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada jurulatih yang mengajar mereka.

Latihan Permainan Bola Keranjang Secara Atas Talian

Dalam konteks pada masa kajian pembelajaran secara atas talian yang dilakukan secara atas talian amat jarang dilakukan dan hanya dilakukan dalam jumlah yang sedikit dan lebih tertumpu kepada sistem pembelajaran yang bersifat teoritikal sahaja dan tidak melibatkan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem latihan dan bimbingan secara fizikal sepertimana dalam kajian yang dilakukan oleh Calleja-González et al.(2018); Delextrat et al. (2015); Shaher et al. (2011) dan Zhang et al.(2018). Kajian ini dilakukan untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran latihan fizikal permainan bola keranjang dalam aspek teoritikal sahaja yang dilakukan secara fizikal di dalam kelas, pembelajaran secara atas talian lebih difokuskan hanya bertujuan untuk mencari bahan tambahan berkenaan dengan permainan bola keranjang.

Sememangnya kajian berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bola keranjang amat jarang ditemui, kebanyakan mata pelajaran yang diajarkan secara atas talian dilakukan bagi subjek-subjek tertentu yang hanya mengkhusus kepada subjek yang berorientasikan pembelajaran berasaskan buku dan bukan untuk tujuan latihan fizikal khususnya dalam sukan bola keranjang seperti dalam kajian Alejandro et al.(2015), Cui et al.(2019) dan Ibáñez et al.(2018) hanya menyentuh tentang aspek pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik mendapati belum ada kajian yang dilakukan untuk meneliti latihan sendiri permainan bola keranjang dilakukan, apatah pelaksanaannya dilakukan secara atas talian dan dilakukan sendiri oleh pelajar di rumah. Kebanyakan kajian hanya menyentuh bidang kejurulatihan dan tidak menyasarkan informan para pemain untuk mewujudkan suatu dimensi kajian yang dapat memberikan kepentingan dan sumbangan kepada ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi pada era pandemik ini. Maka dengan itu, adalah amat signifikan kajian ini dilakukan sebagai usaha untuk mewujudkan satu korpus ilmu pengetahuan baharu secara teoritikal dan praktikal.

Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ini dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang dilakukan disebuah sekolah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan 10 orang informan dalam kalangan pemain yang berpengalaman untuk membuat latihan sendiri pada era pandemik ini. Pemilihan informan adalah pemain yang benar-benar memiliki pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam permainan bola keranjang sahaja yang ditemubual dan membuat persediaan untuk menyertai pertandingan kemahiran bola keranjang 2021 yang perlu melakukan lima kemahiran bola keranjang melalui rakaman. Sehubungan dengan itu, proses pemilihan informan pemain bola keranjang bawah 18 tahun dilakukan dengan membuat beberapa kali saringan temu bual untuk mencari informan yang benar-benar tepat untuk ditemu bual dalam kajian ini. Dalam proses analisis kajian, penyelidik menggunakan analisis secara manual dengan menggunakan kaedah triangulasi.

Analisis Dan Dapatan Kajian

Konsep latihan sendiri

Latihan sendiri merupakan latihan yang dilakukan sendiri oleh para pemain bola keranjang di tempat masing-masing. Konsep latihan sendiri ini lebih kepada usaha para pemain dalam menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran pembelajaran baharu yang dilakukan tanpa dilakukan di dalam gelanggang sebenar. Konsep latihan menurut informan adalah bagaimana mereka berdikari dalam mendepani dan menyelesaikan segala kekangan dalam proses latihan untuk permainan bola keranjang.

Halangan dan cabaran latihan sendiri

Dalam pelaksanaan latihan sendiri, terhadap beberapa halangan yang dilalui oleh para pemain, antara halangan tersebut adalah seperti yang dikemukakan di bawah ini.

a) Memerlukan masa untuk penyesuaian dalam menjalankan latihan sendiri.

Proses latihan sendiri sebenarnya memerlukan beberapa waktu yang agak panjang untuk memastikan para pemain dapat beradaptasi dan bermain bola keranjang secara sendiri di rumah dengan sokongan pembelajaran secara atas talian. Ini memerlukan seseorang pemain bersabar dan mencuba sehingga mereka benar-benar selesa dengan keadaan dan cara pembelajaran sendiri mereka sama ada secara intrinsik dan ekstrinsik.

b) Penyesuaian pembelajaran atas talian yang diberikan oleh jurulatih.

Proses penyesuaian dan pembelajaran secara atas talian memerlukan waktu kepada para pemain, ini kerana proses pembelajaran secara talian tidak sepenuhnya dapat dipelajari dan difahami oleh pelajar dengan baik. Ini kerana terdapat perbezaan jurang situasinya dengan keadaan pembelajaran dan latihan dalam gelanggang sebenar. Ini merupakan antara kekangan yang biasa dihadapi oleh para pemain.

Perlaksanaan Latihan Kendiri Secara Intrinsik Dan Ekstrinsik Di Rumah

Dalam proses pelaksanaan sendiri secara intrinsik dan ekstrinsik, terdapat pelbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh informan untuk merealisasikan proses pembelajaran sendiri iaitu latihan sendiri secara intrinsik dan ekstrinsik. Seperti yang terdapat dalam maklumat di bawah ini.

a) Mengadakan simulasi latihan seolah-olah berada di dalam gelanggang

Pemain bola keranjang mengadakan simulasi seolah-olah mereka berada dalam gelanggang permainan sebenar. Menerusi cara ini, ia akan dapat membantu dalam beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran pembelajaran secara sendiri. Latihan simulasi dijalankan pengajaran dan pembelajaran sukan lain semasa pandemik (Blocken et al., 2020).

b) Menyediakan ruang latihan dalam permainan bola keranjang di rumah

Dalam usaha untuk meningkatkan proses latihan sendiri, pemain menyediakan ruang latihan yang bersesuaian di rumah, Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi semangat para para pemain meskipun tidak berada pada gelanggang sebenar (Ricart Luna et al., 2020).

c) Menyediakan peralatan yang bersesuaian untuk memastikan proses pembelajaran berlaku dengan jayanya.

Penggunaan peralatan ini sebenarnya adalah untuk meningkatkan semangat dan motivasi dalam kalangan pemain bola keranjang dalam memastikan permainan bola keranjang berlangsung dengan baik (Andreato et al., 2020). Penyediaan alatan perakam seperti video cam bagi tujuan

mengukur dan melihat kembali proses perjalanan latihan yang dilakukan oleh para pemain. Penyediaan alatan perakam ini, sebenarnya amat membantu dalam mereka untuk membuat penilaian terhadap proses latihan yang telah mereka lakukan.

Perbincangan kajian

Permainan bola keranjang memerlukan latihan dan pengajaran yang kebanyakan menggunakan latihan secara praktikal dan fizikal (Kristjánsdóttir et al., 2018). Dalam era pandemik ini, penggunaan medium *google meet* membantu guru atau jurulatih dalam memudahkan tugas pemain bola keranjang untuk memantau aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam permainan bola keranjang. Namun demikian, akibat sistem latihan dan pengajaran tidak dilakukan secara fizikal di gelanggang menyebabkan banyak kekangan dan halangan yang terpaksa dilalui oleh para pemain dalam permainan bola keranjang. Meskipun pada dasarnya, ada di antara para pemain yang memiliki kemahiran dan kecerdasan serta tahap kecergasan yang baik. Namun di saat pandemik ini mereka juga memiliki permasalahan dalam meneruskan sistem latihan secara atas talian dan motivasi menjadi kurang (Samuel et al., 2020).

Sehubungan itu, melihat kepada kelompangan kajian daripada isu ini, maka kajian ini dibangunkan oleh penyelidik dalam upaya dan usaha untuk menyelesaikan permasalahan ini daripada terus berlaku. Latihan sendiri merupakan solusi yang tepat untuk menyelesaikan masalah ini secara total. Menerusi latihan secara sendiri ia memberikan peluang kepada para pemain untuk berlatih dan menilai sendiri sistem latihan dalam permainan bola keranjang (Aghababa et al., 2021). Ini seolah-olah diri mereka adalah jurulatih dan mereka juga adalah pemain. Maka dengan cara ini akan membantu mereka dalam meneruskan latihan dalam permainan bola keranjang.

Dalam hasil kajian ini, para informan iaitu pemain bola keranjang juga menyatakan bahawa diri mereka juga menghadapi kekangan dan halangan dalam sistem latihan sendiri seperti penyediaan peralatan latihan, tempat latihan, semangat, disiplin. Namun semua itu berjaya mereka hadapi dengan meningkatkan tahap kepercayaan diri dan menerapkan komitmen yang tinggi dalam diri mereka untuk meneruskan sistem latihan dalam apa juga keadaan. Personaliti dan keazaman dalam kalangan pemain bola keranjang memainkan peranan penting semasa menjalani latihan sendiri (Cianfrone & Kellison, 2020).

Penutup

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah menemukan dapatan kajian yang baharu dalam pelaksanaan latihan sendiri bagi pemain bola keranjang bawah di rumah berdasarkan pembelajaran secara atas talian dan latihan sendiri di rumah. Kajian ini dapatlah dikatakan sebagai salah satu kajian perintis yang boleh dilakukan untuk memberikan jalan penyelesaian terhadap usaha untuk melaksanakan sistem pendidikan terutamanya dalam bidang sains sukan secara khusus dan bidang lain secara amnya. Maka dengan itu, dapatlah dianggap bahawa kajian ini amat signifikan untuk ketengahkan sebagai sebuah kajian yang dapat memberikan manfaat secara teoritikal dan praktikal.

Rujukan

- Abdelkrim, N.B., Chaouachi, A., Chamari, K., Chtara, M., Castagna, C. (2010). Positional role and competitive-level differences in elite-level men's basketball players. *Journal of Strength and Conditioning Research*, 24(5), 1346–1355.
- Aghababa, A., Badicu, G., Fathirezaie, Z., Rohani, H., Nabilpour, M., Zamani Sani, S. H., & Khodadadeh, E. (2021). Different Effects of the COVID-19 Pandemic on Exercise Indexes and Mood States Based on Sport Types, Exercise Dependency and Individual Characteristics. *Children*, 8(6), 438. <https://doi.org/https://doi.org/10.3390/children8060438>
- Alejandro, V., Santiago, S., Gerardo, V. J., Carlos, M. J., & Vicente, G. T. (2015). Anthropometric Characteristics of Spanish Professional Basketball Players. *Journal of Human Kinetics*, 46(1), 99–106. <https://doi.org/10.1515/hukin-2015-0038>
- Alogaili, W., Marinescu, G., & Hisham, H. (2018). The Relationship Between Certain Fitness Components and Anthropometry In Basketball Defence For Juniors. *Discobolul - Physical Education, Sport & Kinetotherapy Journal*, 54(1), 35–40. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a9h&AN=137876534&site=ehost-live>
- Andreato, L. V, Coimbra, D. R., & Andrade, A. (2020). Challenges to athletes during the home confinement caused by the COVID-19 pandemic. *Strength and Conditioning Journal*, 42(3), 1–5. <https://doi.org/https://doi.org/10.1519/ssc.0000000000000563>
- Blocken, B., Van Druenen, T., Van Hooff, T., Verstappen, P. A., Marchal, T., & Marr, L. C. (2020). Can indoor sports centers be allowed to re-open during the COVID-19 pandemic based on a certificate of equivalence? *Building and Environment*, 180(3), 107022. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.buildenv.2020.107022>
- Calleja-González, J., Mielgo-Ayuso, J., Lekue, J. A., Leibar, X., Erauzkin, J., Jukic, I., Ostojic, S. M., Ponce-González, J. G., Fuentes-Azpiroz, M., & Terrados, N. (2018). Anthropometry and performance of top youth international male basketball players in spanish national academy. *Nutricion Hospitalaria*, 35(6), 1331–1339. <https://doi.org/10.20960/nh.1897>
- Cianfrone, B. A., & Kellison, T. (2020). The Impact of the Coronavirus Pandemic on a Major Event Legacy: The 2020 National Collegiate Athletic Association Men's Basketball Final Four. *International Journal of Sport Communication*, 1(aop), 1–8. <https://doi.org/https://doi.org/10.1123/ijsc.2020-0244>
- Cui, Y., Liu, F., Bao, D., Liu, H., Zhang, S., & Gómez, M.-Á. (2019). Key anthropometric and physical determinants for different playing positions during national basketball association draft combine test. *Frontiers in Psychology*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02359>
- Delextrat, A., Grosgeorge, B., & Bieuzen, F. (2015). Determinants of performance in a new test of planned agility for young elite basketball players. *International Journal of Sports Physiology and Performance*, 10(2), 160–165. <https://doi.org/10.1123/ijssp.2014-0097>
- Ibáñez, S. J., Mazo, A., Nascimento, J., & García-Rubio, J. (2018). The Relative Age Effect in under-18 basketball: Effects on performance according to playing position. *PloS One*, 13(7), e0200408.
- Kristjánisdóttir, H., Erlingsdóttir, A. V, Sveinsson, G., & Saavedra, J. M. (2018). Psychological skills, mental toughness and anxiety in elite handball players. *Personality & Individual Differences*, 134(4), 125–130. <http://10.03.248/j.paid.2018.06.011>
- Mogaji, E., & Jain, V. (2020). Impact of the pandemic on higher education in emerging countries: emerging opportunities, challenges and research agenda. *Challenges and Research Agenda (June 8, 2020)*, 1(2), 54–60. <https://doi.org/https://doi.org/10.2139/ssrn.3622592>

- Onyema, E. M., Eucheria, N. C., Obafemi, F. A., Sen, S., Atonye, F. G., Sharma, A., & Alsayed, A. O. (2020). Impact of Coronavirus pandemic on education. *Journal of Education and Practice*, 11(13), 108–121.
- Ricart Luna, B., Monteagudo, P., Pérez Puchades, V., Cordellat, A., Roldán, A., & Blasco-Lafarga, C. (2020). Changes in explosive strength and agility after an online training in young basketball players confined by COVID-19. *Retos: Nuevas Tendencias En Educación Física, Deporte y Recreación*, 41(2), 256–264. <https://doi.org/10.47197/retos.v0i41.83011>
- Robazza, C., Gallina, S., D'Amico, M. A., Izzicupo, P., Bascelli, A., Di Fonso, A., Mazzaufio, C., Capobianco, A., & Di Baldassarre, A. (2012). Relationship between biological markers and psychological states in elite basketball players across a competitive season. *Psychology of Sport and Exercise*, 13(4), 509–517. <https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2012.02.011>
- Roman, I. R., Molinuevo, J. S., & Quintana, M. S. (2009). The relationship between exercise intensity and performance in drills aimed at improving the proficiency, technical and tactical skills of basketball players. *RICYDE. Revista Internacional de Ciencias Del Deporte*, 5(14), 1–10.
- Samuel, R. D., Tenenbaum, G., & Galily, Y. (2020). The 2020 Coronavirus pandemic as a change-event in sport performers' careers: conceptual and applied practice considerations. *Frontiers in Psychology*, 11(1), 12–17.
- Sekulic, D., Pehar, M., Krolo, A., Spasic, M., Uljcev, O., Calleja-Gonzalez, J., & Sattler, T. (2017). Evaluation Of Basketball-Specific Agility: Applicability Of Preplanned And Nonplanned Agility Performances For Differentiating Playing Positions And Playing Levels. *Journal of Strength & Conditioning Research*, 31(8), 2278–2288. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=aph&AN=124459016&site=ehost-live>
- Shaher A.I. Shalfawi, Ammar Sabbah, Ghazi Kailani, Espen Tonnessen, E. E., Shalfawi, S. A. I., Sabbah, A., Kailani, G., ToøNNESEN, E., & Enokse, E. (2011). The Relationship Between Running Speed And Measures of Vertical Jump in Professional Basketball Players: A Field-Test Approach. *Journal of Strength and Conditioning Research*, 25(11), 3088–3092. <https://doi.org/10.1519/JSC.0b013e318212db0e>
- Wong, A. Y.-Y., Ling, S. K.-K., Louie, L. H.-T., Law, G. Y.-K., So, R. C.-H., Lee, D. C.-W., Yau, F. C.-F., & Yung, P. S.-H. (2020). Impact of the COVID-19 pandemic on sports and exercise. *Asia-Pacific Journal of Sports Medicine, Arthroscopy, Rehabilitation and Technology*, 22(3), 39–44. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.asmart.2020.07.006>
- Zhang, S., Lorenzo, A., Gómez, M.-A., Mateus, N., Gonçalves, B., & Sampaio, J. (2018). Clustering performances in the NBA according to players' anthropometric attributes and playing experience. *Journal of Sports Sciences*, 36(22), 2511–2520. <http://10.0.4.56/02640414.2018.1466493>